

Cegah perlakuan zalim mendera bayi

Ketika kau memerlukan kasih serta belaian, Kau menjadi sasaran kezaliman, Jeritan suara, titisan air mata

ITU antara bait lagu *Tangan Yang Menggapai* yang cukup popular sekitar tahun 1990-an ketika isu penderaan kanak-kanak diberikan perhatian serius di negara ini.

Beberapa hari lalu, lagu itu kembali menjengah di minda penulis apabila berlaku rentetan kes dera.

Awal Februari lalu, akhbar melaporkan seorang kanak-kanak berusia 9 tahun, Nur Aina Nabillah Muhammad Abdullah meninggal dunia dipercayai didera bapa dan ibu tirinya dalam kejadian di Lukut, Negeri Sembilan.

Antara kecederaan yang membawa kematiannya ialah buah pinggang rosak, usus terkoyak dan patah tulang rusuk kanan dan kiri.

Terbaharu Jumaat lalu, akhbar melaporkan seorang bayi perempuan, Nurul Ain Umairah Muhammad Firdaus yang baru berusia 46 hari maut dipercayai akibat didera dalam kejadian di rumah kehuarganya di Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia, Prof. Dr. Fatimah Daud berkata, siapa pun yang melakukan perbuatan itu berhati binatang.

"Saya sungguh sedih. Bayangkan perlakuan itu dilakukan terhadap bayi iaitu seseorang yang lemah, langsung tidak berdaya dan langsung tidak boleh melawan. Pelakunya berhati binatang.

"Apatah lagi kalau yang melakukannya ialah ibu bapa sendiri. Ketika sesetengah pasangan bergelut untuk direzekikan cahaya mata dan ibu bapa sanggup berkorban nyawa demi anak, boleh pula ibu atau bapa itu melakukan kezaliman kepada zuriatnya sendiri? Ini perlakuan yang sangat zalim dan di luar tindakan normal ibu bapa sedangkan anak orang lain pun kita tidak boleh buat macam itu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Fatimah berpendapat, ada beberapa kemungkinan yang



Di Sebalik Isu Panas

Oleh ADHIAM SHADAN

menyebabkan seseorang itu tergamak bertindak sedemikian antaranya kegagalan mengawal kemarahannya, seorang yang gila kuasa, mempunyai tanggapan bahawa anak itu mendedakan beban atau pelakunya bermasalah psikologi.

"Ada sesetengah orang mempunyai sifat gila kuasa, bermaksud sentiasa mahu menunjukkan kuasanya terutamanya kepada mereka yang lebih lemah.

Mungkin tidak dapat melepaskan kemarahannya kepada orang tertentu, bayi yang tidak mampu berbuat apa-apa dijadikan sasaran.

"Suami isteri yang berkahwin juga tidak seharusnya menganggap anak itu menyusahkan atau menjadi beban. Mereka harus percaya bahawa setiap anak itu ialah rezeki. Orang dulu-dulu juga miskin dan hidup susah, si bapa mengambil upah mengait kelapa, si ibu pula mengambil upah memotong padi, tetapi anak mereka berbilang, boleh sahaja dibesarkan dengan baik.

"Nasihat saya, walaupun

benar-benar tidak berkemampuan untuk memelihara anak, serahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diberikan kepada pihak yang ingin menjadikan anak angkat, daripada dibenci, dipukul sehingga dibunuh anak yang tidak berdosa itu," katanya.

Dalam pada itu Fatimah berharap agar proses mendapatkan anak angkat di negara ini dipermudahkan kerana beliau percaya ramai pasangan waima miskin sedia dan mampu menjaga anak dengan baik.

Fatimah turut menegur, terdapat kecenderungan sesetengah pasangan muda hari ini yang menjadikan perkahwinan sebagai keinginan seksual semata-mata dan kehadiran anak bukan menjadi kemahuan.

Sementara itu, **Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Universiti Selangor, Prof. Dr. Mohd. Zaidi Hajazi** menyifatkan pendera kanak-kanak ialah seorang yang agresif kerana mendera individu yang lebih lemah.

Menurutnya, kelemahan sistem sosial berhubung penyediaan proses pertolongan dan sokongan sosial kepada mangsa dan pendera perlu diperbaiki bagi mengelak hal ini meruncing dalam masyarakat.

Katanya, maklumat seperti nombor telefon berkaitan yang patut dihubungi sekiranya berlaku kes dera perlu diuar-uarkan secara lebih meluas dalam masyarakat.

Permudahkan proses mengambil anak angkat di negara ini ramai pasangan lantaran waima miskin sedia menjaga anak dengan baik

KOSMO!
TARIKH: 19/2/18 (M.S. 11)